



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)
PERSIARAN BUKIT UTAMA, BANDAR UTAMA
47800 PETALING JAYA
Tel : 03-77276166 Fax: 03-77267199

Tarikh : 8 DISEMBER 2017

Kepada,
Semua ibu bapa / penjaga yang dihormati,

Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PERUBAHAN WAKTU KOKURIKULUM SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 3 TAHUN 2018

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuki.

2. Pihak sekolah ingin memaklumkan bahawa WAKTU KOKURIKULUM sekolah telah diubah bermula pada 2 Januari 2018 kepada waktu berikut:

HARI : SELASA
WAKTU : 7.30 – 8.30 PAGI
AKTIVITI: SUKAN DAN PERMAINAN

HARI : RABU
WAKTU : 1.30 – 3.00 PETANG
AKTIVITI: UNIT UNIFORM / KELAB & PERSATUAN

3. Murid akan berada di sekolah melakukan aktiviti kokurikulum pada waktu tersebut sahaja. Murid diminta memakai pakaian yang telah ditetapkan pada hari tersebut.

4. Bagaimanapun bagi murid yang menjadi ahli KELAB BERBAYAR mereka juga perlu hadir pada waktu yang telah ditetapkan pihak sekolah disebelah petang.

5. Pihak sekolah mengucapkan ribuan terima kasih atas perhatian dan kerjasama ibu bapa dan penjaga.

Sekian, dimaklumkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(PN. ZURAIDAH BT ISMAIL)

Pengetua,

SKK SMK Bandar Utama Damansara (3), Petaling Jaya.